

BAB TUJUH

KESIMPULAN DAN CADANGAN

Berdasarkan kepada kajian ini, adalah jelas bahawa gagasan dialog peradaban ini mempunyai signifikan ke arah persaudaraan umat atau apa yang disebut sebagai *conviviencia* sejagat. Kajian penulis mendapati bahawa punca konflik antara Islam dan Barat banyak terletak di atas peranan dan dasar imperialisme dan hegemoni Barat, apatah lagi setelah mereka menganuti akidah baru iaitu sekularisme. Walaupun dunia sudah berubah maju pada alaf ke-21 ini namun sejarah silam khasnya kebencian Barat dan dendam kesumat dari kekalahan Perang Salib dahulu masih lagi mendefinisikan bentuk hubungan Barat dengan Islam.

Banyak peristiwa yang berlaku menjadi alamat bahawa Islam dan umatnya adalah seteru Barat yang perlu ditundukkan agar Islam tidak lagi dibenarkan kembali menjadi peradaban agung dunia seperti yang telah dilahirkan oleh Rasulullah s.a.w. sejak abad ke-7 sehingga suku abad ke-20 M. Berikutan meluasnya tinggalan dan pengaruh peradaban Islam dahulu, dan kelebihan negara Islam dari segi hasil bumi iaitu minyak, maka Barat sentiasa berusaha, dalam bentuk pendekatan neo-imperialismenya, menguasai secara tidak langsung negara-negara Islam yang kaya ini, khususnya di Timur Tengah, agar kepentingan ekonomi AS dan Barat amnya terus terpelihara. Kebangkitan umat Islam hasil dakwah gerakan Islam telah menjadi penentang yang kuat ke atas kuasa Barat ini.

Akibatnya, usaha Barat diganggu hingga berlakulah pertembungan dan konflik sepertimana yang terjadi. Juga, kewujudan pemimpin Islam yang tidak mahu tunduk kepada tekanan Barat turut sama menyumbang kepada hubungan berkonflik ini. Di samping itu, penulis mendapati konflik ini turut direncanakan oleh kelompok Zionis Yahudi demi memenuhi cita-cita mereka untuk menguasai dunia secara sulit. Kelompok ini telah memperalatkan keupayaan politik dan ekonomi Amerika Syarikat untuk membantu mencapai matlamatnya.

Menyedari konflik seumpama ini boleh mengancam kerukunan dan kesejahteraan masyarakat sejagat, maka dialog peradaban adalah kaedah aman yang boleh diaplikasi dan terus menjadi agenda utama masyarakat antarabangsa. Namun, kajian penulis mendapati bahawa sebenarnya masyarakat dunia tidaklah tandus idea dan kaedah bagi mengatasi konflik Islam-Barat, bahkan formulanya sudah pun ada. Justeru, yang kita amat memerlukan sekarang ialah pelaksanaan atau implementasi segala saranan, resolusi atau ketetapan yang pernah dicapai hasil dialog, seminar atau persidangan di peringkat antarabangsa, khasnya yang dianjurkan oleh PBB – badan dunia yang mempunyai mandat dan autoriti sejagat. Namun, penulis juga menginsafi bahawa perkara ini, hakikatnya, tidak boleh dilaksanakan atau mendapat kesan dan implikasi yang dihaitkan selagi pihak yang mempunyai autoriti tidak mendapat atau lebih tepat lagi memohon petunjuk atau hidayah daripada agama masing-masing. Penulis mempercayai bahawa semua pihak yang berkaitan mestilah mendapat sentuhan dan digerakkan oleh kuasa kerohanian dan kemanusiaan yang mendalam. Ini adalah kerana kuasa intrinsik ini sahajalah yang benar-benar boleh mengembalikan kita semua kepada fitrah kebaikan.

Dan perkara ini sesekali tidak boleh dilakukan jika pihak Barat khususnya masih terus dengan anutan sekularisme¹ mutlak mereka. Barat menjadi pihak yang lebih bertanggungjawab untuk terlibat dalam dialog kerana ia adalah kuasa unipolar dunia di mana segala perubahan iklim politik dan ekonomi dunia bergantung kepada polisi dan tindak tanduknya.

Hakikatnya semua pihak yang terbabit tidak wajar mempunyai alasan untuk bersengketa atau berkonflik kerana di sana, bagi kedua-dua pihak ini, Islam dan Barat sebenarnya mempunyai banyak persamaan dari segi sejarah dan sumber teologinya berbanding perbezaan yang ada. Sekularisme - seperti yang telah dibahaskan banyak pihak termasuk dari kalangan sarjana Barat sendiri - adalah antara punca kepada permasalahan konflik ini di samping faktor keangkuhan neo-imperialisme Barat. Justeru, dengan kembalinya kepada ajaran agama akan membawa umat manusia, setelah teruja dan tergilap semula kerohanian mereka, mendekati diri kepada punca kehidupan itu sendiri yakni tuhan yang maha berkuasa. Apabila hati telah mula memahami antara satu sama lain, kita akan melewati perbezaan yang kita miliki. Malapetaka yang dibawa oleh sikap hegemonisme Barat akan boleh dihapuskan. Sekaligus, hipokrasi dan motif neo-kolonialisme Barat juga akan turut menemui titik noktahnya.

Penawar yang terbaik, efektif dan mempunyai kesan jangka panjang ialah dengan kembali kepada ajaran agama (dalam bentuk asal yang tidak tercemar lagi) kerana sifat kequdusannya dan matlamatnya yang sentiasa menyeru ke arah kehidupan yang harmoni.

¹ Banyak kajian mengesahkan betapa sekularisme adalah punca kefasadan dan gejala sosial hari ini. Umat Barat sebenarnya memerlukan hidayah Tuhan (agama) bagi mengembalikan diri mereka kepada fitrah makhluk mengikut lunas-lunas yang tepat.

Selain dari itu, semua pihak mesti berpegang kepada disiplin ilmu, fakta sejarah sebenar dan sentiasa mendahulukan kepentingan sejagat berbanding sikap hegemoni yang hanya merupakan warisan buruk imperialisme silam.

Muhasabah yang halus, mendalam dan panjang akan mampu mempertemukan kembali Islam dan Barat sebagai warga dunia yang berhak hidup bersama-sama secara harmoni, dan saling memerlukan antara satu sama lain. Realitinya walaupun dunia antarabangsa masih bergolak antara Islam dengan Barat, namun dialog peradaban, tetap menjadi satu kaedah yang mesti diteruskan dalam membantu menyelesaikan konflik antara Islam dengan Barat selagi keadaan mengizinkan. Ia satu mekanisme yang praktikal untuk mewujudkan hubungan yang intim dan harmoni antara Islam dan Barat *albeit* sarat dengan persoalan dan masalah yang boleh merencat dan menggagalkan usaha murni bagi mewujudkan 'bumi untuk semua'. Diharapkan natijah akhir ialah konsep '*unity in diversity*' boleh dicapai di antara kedua belah pihak ini. Ia bukan suatu yang mustahil apabila pemimpin Islam dan Barat sudah bersedia di garis persahabatan untuk bekerja sama pada alaf baru ini.

Bagi mengakhiri kajian ini penulis mencadangkan perkara berikut untuk dilaksanakan oleh pengkaji akan datang untuk memperbaiki dan mempertingkatkan mutu kajian ini, iaitu dengan memperluaskan kajian kepustakaan kepada bahan-bahan dalam Bahasa 'Arab. Kaedah ini penting dipertimbangkan kerana ada bahan-bahan bercetak dalam bahasa 'Arab – yang banyak jumlahnya - yang tidak dapat diakses oleh penulis kerana keterbatasan kemampuan bahasa penulis. Penulis melihat sumber atau karya

dalam bahasa ‘Arab yang memuatkan pandangan sarjana Islam klasik dan semasa sangat berguna dalam membekalkan ilmu atau menyuluh intelek penulis mengenai hujah-hujah agama yang berkaitan dengan isu yang dikemukakan dalam kajian ini.

Wallahua’lam

TAMAT